



PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 20/2021

PELAKSANAAN BEKERJA DARI RUMAH (WFH) SEPENUHNYA BAGI STAF YANG TINGGAL DI KAWASAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD)

1. Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada semua warga Universiti Malaysia Kelantan (UMK) berhubung **pelaksanaan Bekerja Dari Rumah (WFH) sepenuhnya bagi staf yang tinggal di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD)**.
2. Pekeliling ini adalah selaras dengan pengumuman oleh Menteri Kanan Pertahanan pada 17 Mei 2021 iaitu penguatkuasaan PKPD di dua mukim dalam Jajahan Negeri Kelantan mulai **19 Mei sehingga 1 Jun 2021** seperti berikut:
 - i. Kampung Pauh Lima, Mukim Gunong, Bachok; dan
 - ii. Kampung Pauh Lima, Mukim Banggu, Kota Bharu
3. Sehubungan itu, bagi staf yang tinggal di lokaliti seperti dinyatakan **perlu berada di rumah kediaman masing-masing dengan mematuhi prosedur operasi standard (SOP)** oleh pihak berkuasa.
4. Staf yang terlibat dikehendaki memaklumkan kepada Ketua Pusat Tanggungjawab (PTj) masing-masing dengan melaksanakan kerja dari rumah dan merekodkan kehadiran melalui Portal e-Community (<http://ecomm.umk.edu.my>) sepanjang tempoh berkenaan [sila rujuk kepada Garis Panduan Bekerja Dari Rumah (Kemaskini 12 Januari 2021) yang boleh didapati melalui Portal eCommunity (Files Library >> Skim/ Garis Panduan)]. Walau bagaimanapun, kehadiran staf yang dikategorikan di bawah perkhidmatan perlu (*essential services*) adalah tertakluk kepada arahan Ketua PTj masing-masing.
5. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai **19 Mei 2021** sehingga tamat PKPD di kawasan berkenaan. Selain itu, pekeliling ini akan **digunakan bagi kawasan PKPD lain sekiranya berlaku penambahan dari semasa ke semasa**.

Sekian, terima kasih.

**"RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT"
"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



MAZULA BINTI SABUDIN

Pendaftar

19 MEI 2021

- s.k. - YBhg. Dato' Naib Canselor
- Timbalan-Timbalan Naib Canselor
- Semua Ketua Pusat Tanggungjawab